

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 6 OGOS 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1542-L30263
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah penambahbaikan utama yang telah dibawa oleh Kementerian dalam MPBN. Apakah usul-usul penting yang telah dikemukakan oleh para belia dan apakah usaha Kementerian dalam mengetengahkan usul-usul ini kepada Kerajaan.
2. PR-1542-L29938
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan sistem kutipan tol Multi Lane Free Flow (MLFF) menjelang tahun 2025 seperti yang diumumkan sebelum ini serta langkah penambahbaikan sistem seperti RFID bagi memastikan keberkesanan sistem baharu ini.
3. PR-1542-L29678
Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini penggantungan perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sejak 1 November 2024. Apakah pembaharuan yang telah dilaksanakan dalam perlembagaan baharu NAFAS.
4. PR-1542-L30827
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan Kerajaan menerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam usaha menurunkan kos sara hidup rakyat selepas Mesyuarat NACCOL (Majlis) pada 24 Februari 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil.1/2025 pada 11 Mac 2025 dan Mesyuarat NACCOL Bil.1/2025 pada 29 Mei 2025.

5. PR-1542-L30499
Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik aduan serta pencapaian aplikasi MyJalan dalam menyelesaikan aduan kerosakan jalan raya di Sarawak dan adakah Kementerian akan membuat penambahbaikan ke atas aplikasi ini bagi membolehkan aduan dibuat oleh pengguna yang tidak berada di lokasi kerosakan jalan tersebut.
6. PR-1542-L29771
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan senarai projek bekalan air luar bandar di Sabah yang gagal disiapkan atau lewat lebih 12 bulan dan nyatakan jika kelewatan tersebut disebabkan kegagalan penyelarasan antara agensi negeri atau di peringkat Persekutuan.
7. PR-1542-L29330
Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menjelaskan sama ada Kementerian menyediakan peruntukan khas kepada Kerajaan Negeri atau agensi berkaitan bagi mengurus sisa pepejal dan membersihkan kawasan pembuangan sampah haram di luar kawasan PBT.
8. PR-1542-L30440
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status dan keberkesanan rundingan antara Kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat berkenaan pelaksanaan tarif timbal balik dan jaminan Kerajaan susulan daripada tempoh ketidakpastian ini supaya tidak akan menjejaskan perdagangan, rantai bekalan dan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.
9. PR-1542-L29608
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah konkrit Kementerian untuk mengekang ketidakseimbangan pasaran buruh apabila 35.7% daripada kadar pengangguran semasa berkait rapat dengan isu ketidakpadanan kemahiran dan apakah strategi intervensi jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dilaksanakan.

10. PR-1542-L30260
Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan bidaan penganjuran Piala Dunia Sepaktakraw 2026 tidak hanya bersifat *event-based*, tetapi turut memacu pembangunan sukan sepak takraw di peringkat akar umbi secara mampan melalui pemberian insentif tambahan atau peluang penajaan kepada atlet takraw yang menunjukkan prestasi cemerlang.
11. PR-1542-L29467
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan perancangan hala tuju dan jumlah peruntukan yang telah Kerajaan khususkan untuk memperkasa 'tangan emas' yang mahir dan berkemahiran tinggi dalam bidang Teknikal dan Vokasional (TVET).
12. PR-1542-L30490
Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan senarai projek-projek bekalan air di Sabah di bawah Kementerian, sama ada yang sedang dalam pembinaan atau masih dalam perancangan untuk dibina, serta jumlah kapasiti bekalan air keseluruhan yang akan dapat dihasilkan apabila semua projek tersebut siap kelak.
13. PR-1542-L30228
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyak kes kemalangan yang direkodkan di kawasan atau jalan yang tiada kemudahan lampu jalan dan tindakan Kerajaan dalam membendung kemalangan di kawasan berisiko seperti jalan raya yang tiada lampu jalan dan jalan berlubang.
14. PR-1542-L29310
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membekalkan peralatan baru seperti mesin *physiotherapy* dan lain-lain kelengkapan baru termasuk kenderaan ambulan baru untuk klinik kesihatan di Jalan Perak, Jelutong.
15. PR-1542-L29750
Tuan Haji Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :
 - (a) data terkini ladang-ladang ternakan yang telah dikenalpasti menyebabkan pencemaran air dan udara mengikut negeri dan jenis ternakan; dan

- (b) adakah Kementerian menyediakan sistem pemantauan bersepadu dengan menggunakan teknologi AI dalam projek ladang moden bagi memastikan pengurusan sisa dipatuhi.

16. PR-1542-L29424

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah dasar jangka panjang Kementerian dalam pengurusan sumber air bawah tanah serta potensi penggunaannya secara mampan dalam sektor industri seperti Pusat Data dan sektor pertanian.

17. PR-1542-L30578

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang melebarkan jalan-jalan utama dengan membina laluan khas motosikal memandangkan kadar kemalangan yang tinggi melibatkan penunggang motosikal di laluan tersebut.

18. PR-1542-L29613

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) pencapaian Ops Gasak dalam membendung penyelewengan subsidi LPG, jumlah kes dan jumlah nilai rampasan yang berjaya direkodkan; dan
- (b) semua kategori perniagaan yang layak memohon untuk memohon Permit Barang Kawalan Berjadual bagi penggunaan LPG melebihi 42kg.

19. PR-1542-L29425

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah mekanisme yang dipertimbangkan oleh Kementerian bagi mengawal harga bagi input asas dan adakah Kementerian bercadang menyediakan dana khas bagi menyokong perkembangan industri pengeluaran input pertanian tempatan.

20. PR-1542-L30224

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian melalui Majlis Daerah Kota Marudu menangani masalah perparitan dan saliran di kawasan pekan Kota Marudu yang sering kali menyebabkan masalah banjir kilat berlaku.

21. PR-1542-L29432

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan mekanisme Kementerian dalam memastikan harga barang tidak meningkat secara tidak wajar susulan pelaksanaan peluasan skop Cukai SST dan apakah Kementerian turut mempertimbangkan pengenaan hukuman yang lebih berat terhadap peniaga yang memanipulasi harga dari pelaksanaan peluasan skop SST ini.

22. PR-1542-L29471

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan semasa jangkitan HIV dalam negara termasuk angka jumlah pesakit HIV mengikut kategori kumpulan umur dan jantina serta punca utama jangkitan.

23. PR-1542-L30178

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapa pemain naturalisasi hanya kepada pasukan bola sepak kebangsaan sahaja yang pastinya memerlukan ramai pemain dan melibatkan kos yang tinggi untuk mendapatkan pemain naturalisasi berbanding sukan tenis yang melibatkan seorang atau dua orang sahaja dan tentu kos lebih rendah.

24. PR-1542-L29375

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan supaya jambatan kekal dibina di daerah Ranau khususnya jambatan di Kg Gusi ke daerah Beluran, jambatan di Kg. Kaingaran, Kg. Mengkapoh serta Kg. Miruru dan penaiktarafan jambatan di Kg. Lobou Lama menuju ke Kg. Keiyp. Jambatan-jambatan ini sangat diperlukan untuk kemudahan rakyat.

25. PR-1542-L29856

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mewujudkan Kedai MADANI, bagi memudahkan rakyat membeli barang asas pada harga yang sama dengan Program Jualan Rahmah Madani, khususnya di kawasan Parlimen Kuala Krau.

26. PR-1542-L30545

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) pendekatan Kerajaan untuk menyokong graduan yang kini bekerja dalam sektor ekonomi gig supaya dapat memperoleh pekerjaan yang menggunakan kelayakan akademik mereka; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan mekanisme untuk membolehkan mereka mengisi jurang kemahiran yang sedang wujud di pasaran pekerjaan.

27. PR-1542-L30156

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan strategi jangka panjang Kementerian dalam mengurus sisa bateri kenderaan elektrik (EV) secara mampan termasuk pelan kitar semula, teknologi pemulihan bahan dan standard keselamatan bagi memastikan pertumbuhan industri EV tidak mewujudkan risiko pencemaran baru terhadap alam sekitar.

28. PR-1542-L30210

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif pendigitalan rantai bekalan makanan data agro, pemantauan harga waktu nyata dan pasaran digital serta sejauh mana ia mengurangkan pembaziran hasil tani dan memperkukuh keselamatan makanan negara selari agenda Agromakanan MADANI.

29. PR-1542-L29991

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan unjuran nilai perdagangan Malaysia bagi tahun 2025:

- (a) unjuran nilai pelaburan bagi tahun 2025; dan

- (b) strategi dan langkah Kerajaan bagi memastikan nilai eksport dan nilai pelaburan tidak terjejas teruk disebabkan oleh kenaikan tarif Amerika Syarikat dan geopolitik dunia yang tidak menentu.

30. PR-1542-L29972

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan jangka sederhana Kementerian dalam menangani kesan inflasi terhadap isi rumah B40 di Sarawak termasuk melalui pendekatan intervensi harga, bantuan bersasar dan kolaborasi dengan Kerajaan Negeri.

31. PR-1542-L29279

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kerajaan untuk menangani isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya dalam kumpulan umur muda dan ketersediaan akses kepada perkhidmatan sokongan kesihatan mental di kawasan luar bandar.

32. PR-1542-L29347

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kementerian bagi pelaksanaan inisiatif peningkatan pengeluaran makanan dalam negara termasuk peruntukan untuk insentif kepada petani dan pengenalan teknologi pertanian moden.

33. PR-1542-L29486

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) bilangan rumah mampu milik yang telah dan akan dibina di kawasan Temerloh sejak 2020; dan
- (b) lokasi, kos dan status semasa projek-projek tersebut.

34. PR-1542-L29233

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah eksport terkini solar panel dan senaraikan negara yang menjadi pengimport utama solar panel dari Malaysia. Apakah usaha Kementerian dalam memastikan jumlah eksport dan pendapatan syarikat pengeluar solar tempatan tidak terjejas teruk jika Amerika Syarikat mengenakan tarif import produk panel solar.

35. PR-1542-L29458
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan trend kehilangan tenaga kerja berpengalaman (>5 tahun perkhidmatan) dalam kalangan doktor dan jururawat sektor awam serta punca utama dan langkah Kementerian untuk mengekanginya.
36. PR-1542-L30354
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk pemuliharaan dan pengurusan sumber semula jadi termasuk hidupan liar dan habitat mereka yang merangkumi perlindungan dan penyelenggaraan tapak khususnya burung migratori di Ash Ponds Kapar Power Station.
37. PR-1542-L30445
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesan kepada kadar pengganguran di Sabah selepas gaji minimum dilaksanakan pada bulan Mei tahun ini.
38. PR-1542-L29340
Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah rasional penggunaan tong gas silinder LPG 14 kilogram berwarna ungu digunakan untuk tujuan komersial dan apakah kriteria peniaga yang terpaksa menggunakan tong gas ungu ini.
39. PR-1542-L30328
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bilangan akaun usahawan Malaysia yang menjalankan perniagaan melalui platform e-dagang seperti Shopee, Lazada dan Tiktok.
40. PR-1542-L30282
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status penyelesaian isu tanah NCR di Sarawak serta mekanisme penyelarasan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

41. PR-1542-L29706

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan dan peruntukan terkini Kementerian bagi kerja-kerja penambahbaikan serta penyelenggaraan prasarana sukan seperti padang bola, gelanggang futsal, dewan serbaguna dan kemudahan rekreasi awam di Parlimen Padang Rengas memandangkan banyak kemudahan sedia ada berada dalam keadaan uzur dan kurang diselenggara.

42. PR-1542-L29737

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkenaan status permohonan pembangunan semula jalan raya dan lampu jalan atau solar bagi Jalan Persekutuan FT077 Kroh-Betong yang merupakan jalan utama Malaysia ke Thailand dan menjadi imej pintu masuk utama negara.

43. PR-1542-L29947

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status terkini Tanah Rizab Melayu bagi setiap negeri serta usaha memelihara status Tanah Rizab Melayu selaras dengan Enakmen Rizab Melayu 142.

44. PR-1542-L29829

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penyertaan belia dalam sektor ekonomi gig seperti e-Hailing dan p-Hailing; dan
- (b) apakah mekanisma memastikan golongan ini menerima latihan peningkatan kemahiran (*reskilling dan upskilling*) dalam bidang TVET serta mendapat perlindungan sosial yang sewajarnya.

45. PR-1542-L30325

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik Kesihatan Julau akan dinaik taraf kepada fasiliti yang dilengkapi dengan perkhidmatan pakar asas serta kelengkapan perubatan yang lebih moden bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

46. PR-1542-L30546

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estate (SKRE) Sime Darby yang telah menyerahkan tanah seluas 4 hektar Ladang Elphil Sungai Siput untuk membina 10 unit rumah teres dua tingkat berharga kurang RM150,000.00 untuk pekerja-pekerja di ladang tersebut.

47. PR-1542-L29406

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah model pembangunan sukan yang sistematik bagi menjamin transisi berkesan atlet dari sekolah rendah ke menengah dan pengajian tinggi secara berstruktur selaras dengan pelaksanaan Dasar 1M1S, Sukan Teras Prestasi Tinggi dan Program Road To Gold.

48. PR-1542-L30089

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Projek Menaik Taraf Jalan Bulatan Berungis ke Bulatan Mengkabong dan ke Pekan Tuaran. Tahun lalu Kementerian memaklumkan kerja-kerja fizikal akan dimulakan suku tahun kedua 2025. Sehingga hari ini iaitu selepas suku tahun kedua 2025, masih belum kelihatan kerja-kerja fizikal yang ketara di kawasan ini.

49. PR-1542-L30559

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan mekanisme serta cadangan tindakan menang-menang antara KESEDAR dan peneroka dalam menyelesaikan isu pemilikan tanah peneroka dan apakah usaha untuk menamatkan konflik kepentingan dalam konteks menjaga kebajikan semua peneroka KESEDAR.

50. PR-1542-L29950

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme pemantauan semasa di kilang pengilangan beras dan mengapa ia gagal mengesan aktiviti pencampuran beras import dengan beras tempatan secara meluas sebagaimana didedahkan oleh MARDI.

51. PR-1542-L29739

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan terkini Kementerian untuk mengawal harga daging khinzir di pasaran runcit yang melambung tinggi, sama ada Kementerian bersedia membuka ruang untuk pengimportan sementara dari negara jiran agar dapat menstabilkan harga dengan syarat ujian ketat terhadap ASF. Apakah status terkini penularan ASF di negara kita.

52. PR-1542-L29541

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) apakah terdapat kerjasama FAMA dan MARDI bagi membantu petani Bumiputera di kampung seluruh Malaysia dan khususnya di Kepala Batas; dan
- (b) berapakah kutipan hasil tani pekebun Bumiputera di kampung seluruh Malaysia dan khususnya Kepala Batas.

53. PR-1542-L29962

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini proses semakan dan kajian untuk mengemaskini dan menambah baik Akta 757 khususnya terkait keputusan Mahkamah Rayuan pada 20 Mei 2025, pemerkasaan COB dan Tribunal Pengurusan Strata, pengukuhan peranan JMB/MC amplifikasi tatakelola dengan platform digital dan penyelarasan undang-undang yang bertindih.

54. PR-1542-L29554

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang berkaitan keselamatan saluran paip gas di kawasan berpenduduk; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memperketatkan undang-undang berkaitan keselamatan utiliti bawah tanah.

55. PR-1542-L30150

Ir. Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membekalkan alat pemadam api (*fire extinguisher*) atau menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang dilengkapi dengan peralatan, untuk kawasan rumah panjang atau kampung yang tiada akses jalan atau terletak terlalu jauh dari kawasan bandar.

56. PR-1542-L30755

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kemajuan pembinaan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya dan bila klinik tersebut akan beroperasi dan apakah perkhidmatan yang ditawarkan dalam klinik tersebut.

57. PR-1542-L29266

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan intervensi Kerajaan untuk memperbaiki struktur gaji dalam sektor pekerjaan yang didominasi oleh Gen Z dan generasi milenium yang kini berdepan kos sara hidup tinggi.

58. PR-1542-L29284

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah diplomatik yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani risiko pelaksanaan tarif ke atas barangan Malaysia oleh Amerika Syarikat.

59. PR-1542-L30749

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai Dasar Gaji Progresif (DGP):

- (a) jumlah syarikat yang telah berdaftar dan menyertai DGP berbanding jumlah sasaran; dan
- (b) langkah-langkah yang lebih agresif dalam memberikan kesedaran kepada syarikat-syarikat di Sabah memandangkan purata gaji di Sabah adalah antara yang terendah di Malaysia.

60. PR-1542-L29888

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme kawal selia caj perkhidmatan dan caj peralatan tidak perlu yang dikenakan oleh fasiliti kesihatan swasta terhadap pesakit yang mengakibatkan kos perubatan melampau serta mendorong inflasi perubatan.

61. PR-1542-L29593

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi Kerajaan meminta Bangladesh menarik balik siasatan berkenaan dakwaan pemerdagangan manusia dan pengubahan wang haram dalam proses pengambilan pekerja migran memandangkan laporan Bloomberg turut menyebut kegagalan Malaysia dalam memenuhi piawaian Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Manusia Amerika Syarikat selama lebih sedekad.

62. PR-1542-L30004

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kesan cabaran kos pengeluaran yang kian meningkat dan tekanan inflasi terhadap industri pertanian dan makanan negara.

63. PR-1542-L29816

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bentuk pampasan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri disebabkan kehilangan potensi hasil daripada tanah negeri yang diambil untuk projek pembangunan Persekutuan.

64. PR-1542-L29616

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) apakah komitmen Kementerian dalam memastikan pelaksanaan LPT3 bukan sekadar memenuhi keperluan perjalanan antara bandar tetapi juga menyokong kepentingan logistik bencana, keselamatan dan pertahanan negara dalam jangka panjang; dan
- (b) berapakah jumlah keuntungan konsesi semua lebuh raya seluruh negara secara terperinci dari 2015-2025.

65. PR-1542-L29294

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini rundingan dengan Amerika Syarikat mengenai tarif tinggi yang bakal dikenakan oleh Presiden Amerika Syarikat terhadap Malaysia sekiranya rundingan tidak berjaya dan apakah impak kepada pengeksportan dan ekonomi Malaysia akibat tarif tinggi tersebut.

66. PR-1542-L29743

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti golongan miskin bandar yang tidak tersenarai dalam pangkalan data untuk terlibat dalam pemberian bantuan oleh Kerajaan.

67. PR-1542-L30119

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kerajaan menangani kebocoran data peribadi 3.2 juta pengguna MySejahtera pada April 2025 termasuk langkah pemulihan mangsa, status siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan jaminan agar insiden serupa tidak berulang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Perdana Menteri mencadangkan :**

“BAHAWA Dewan ini,

menyedari akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

merestui ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [5 Ogos 2025]

2. (D.R.22/2025) Rang Undang-Undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

3. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024. “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. **Menteri Kewangan akan mencadangkan:**

"Bahawa mengikut seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 [Akta 431], Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia membuat sumbangan sebanyak USD9,000,000.00 kepada Program Dana Ke 21 Persatuan Pembangunan Antarabangsa (International Development Association (IDA)) diluluskan".

5. PR-1542-U(27)407

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan syarikat pemula di bawah program sokongan (*incubator*) yang mengutamakan golongan wanita, khususnya ibu tunggal, suri rumah dan graduan. Ini adalah inisiatif penting untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi, terutamanya bagi mereka yang berdepan dengan cabaran hidup yang lebih besar.

Menurut Bancian 2020, Malaysia mempunyai sekitar 1 juta ibu tunggal yang menyumbang sebanyak 8.3% daripada jumlah isi rumah negara. Selain itu, laporan terkini dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga mendedahkan bahawa terdapat lebih daripada 43% dari 7.15 juta luar tenaga buruh dicatatkan bagi tempoh sehingga Januari 2025 merangkumi mereka yang berkait dengan kerja rumah/tanggungjawab keluarga atau suri rumah.

Golongan ini sering kali bergelut dengan ketidaktentuan kewangan di mana ketiadaan pendapatan tetap menyebabkan mereka berisiko lebih tinggi dalam menghadapi tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, memberikan mereka peluang untuk terlibat dalam perniagaan adalah langkah yang tepat untuk memperbaiki ekonomi keluarga dan mengurangkan jurang ketidaksamaan.

Selain itu, penting bagi golongan ini didedahkan dengan kepenggunaan digital dan perniagaan atas talian, terutamanya dengan perkembangan pesat ekonomi digital. Memberikan panduan yang rasional dan program latihan dalam bidang teknologi dan pemasaran digital akan membantu mereka membina perniagaan yang lebih mampan dan berdaya saing.

Adalah menjadi harapan agar peluang ini bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan isi rumah tetapi juga memperkukuh ekonomi negara secara keseluruhannya."

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

6. PR-1542-U(27)410

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menggubal dasar pencegahan HIV yang lebih menyeluruh dan berfokus khususnya bagi menangani peningkatan kes jangkitan HIV dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan belia.

Data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa antara tahun 1986 hingga 2023, sebanyak 135,035 kes HIV telah direkodkan, dengan 54,365 daripadanya berpunca daripada penularan seksual. Individu berumur 20 hingga 29 tahun menyumbang 44% daripada kes baharu menjadikannya kumpulan tertinggi yang terkesan, diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 39 tahun (31%) dan remaja sekolah berumur 13 hingga 19 tahun (4%). Lebih membimbangkan, 62% daripada jangkitan baharu berlaku dalam kalangan individu homoseksual dan biseksual, manakala 33% melibatkan hubungan heteroseksual.

Situasi ini menuntut pendekatan yang lebih bersepadu dan berasaskan komuniti termasuk peningkatan pendidikan kesihatan seksual, akses mudah dan sulit kepada ujian HIV serta sokongan psikososial yang menyeluruh di institusi pendidikan.

Kerajaan juga digesa untuk merangka satu Pelan Tindakan Nasional HIV bagi belia dengan kerjasama pelbagai Kementerian, NGO dan pihak universiti serta memperkenalkan intervensi bersasar di kampus bagi mengekang penularan jangkitan dan mengurangkan stigma terhadap isu ini. "

[Menteri Kesihatan]

7. PR-1542-U(27)411

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk dasar dan polisi yang jelas untuk mewujudkan badan pengurusan rantai bekalan negara yang cekap dan profesional. Pengurusan ini mestilah merangkumi pengurusan inventori, pengangkutan, pergudangan dan pelaksanaan penghantaran serta pengurusan maklumat dan aliran kewangan yang berkaitan.

Kajian dari Universiti Malaya menunjukkan tekanan Malaysia Supply Chain Index (MSCI) terus menunjukkan angka peningkatan seiring dengan tanda aras dunia iaitu Global Supply Chain Pressure Index (GSCPI) oleh Federal Reserve Bank of New York. Perlu diketahui, pengurusan rantai bekalan yang stabil akan mewujudkan kawalan pasaran global dan domestik yang terkawal walaupun diberi kejutan ekonomi. Maka, menjadi satu keperluan untuk negara mengutamakan badan yang mempunyai akreditasi bertaraf antarabangsa yang aktif dalam menguruskan risiko ini.

Adalah menjadi harapan dengan adanya badan khas bertaraf dunia ini akan memantau kecekapan pengurusan rantai bekalan agar Malaysia kekal berkembang dari sudut eksport dan import negara serta seterusnya meningkatkan kembali dagangan dan mengawal imbang inflasi domestik bagi keperluan pengguna khususnya rakyat Malaysia. "

[Menteri Pengangkutan]

8. PR-1542-U(27)412

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menyemak semula dasar pengambilan dan pembangunan bakat dalam sektor awam dan institusi strategik negara bagi memastikan graduan dalam bidang hubungan antarabangsa diberi keutamaan yang sewajarnya dalam kerjaya berkaitan diplomasi, keselamatan serantau dan dasar luar negara.

Malaysia kini berdepan dengan landskap geopolitik yang kian mencabar melibatkan ketegangan kuasa besar, pertikaian maritim dan pelbagai bentuk ancaman bukan tradisional. Dalam keadaan ini, keperluan terhadap tenaga kerja mahir dalam bidang hubungan antarabangsa adalah amat kritikal.

Namun, trend semasa menunjukkan ramai graduan cemerlang dalam bidang ini tidak memperoleh peluang kerjaya selaras dengan kepakaran mereka. Malah, ramai yang menyertai sektor yang tidak berkaitan atau berhijrah ke luar negara, sedangkan banyak jawatan strategik dalam perkhidmatan awam diisi oleh individu dari latar belakang bukan berkaitan seperti kejuruteraan, matematik atau seni bina.

Situasi ini menandakan kegagalan struktur dalam mengiktiraf bidang hubungan antarabangsa sebagai komponen penting dalam kekuatan dasar luar dan keselamatan negara. Kerajaan perlu mempertimbangkan mekanisme pengambilan berasaskan kepakaran, pengkhususan laluan kerjaya dan insentif khas untuk memastikan bakat dalam bidang ini dibangunkan dan dikekalkan di dalam negara.

Langkah ini penting untuk membina barisan pemimpin dan pegawai yang mampu menghadapi cabaran diplomatik masa depan serta mengangkat martabat Malaysia di pentas antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

9. PR-1542-U(27)413

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkukuh usaha pemeliharaan dan keselamatan hidupan liar negara susulan peningkatan kes kemalangan dan kehilangan nyawa melibatkan spesies terancam seperti gajah dan harimau terutamanya di kawasan berisiko tinggi yang bersilang dengan pembangunan jalan raya dan kawasan penempatan.

Insiden kematian seekor anak gajah akibat dilanggar lori di Lebuhraya Timur-Barat pada Mei 2025 serta kelakuan ibu gajah yang setia menunggu bangkai anaknya telah mencetuskan kesedaran nasional tentang penderitaan satwa liar akibat ketidakseimbangan pembangunan. Sehingga kini, lebih 2,000 kes kematian hidupan liar direkodkan akibat pelanggaran kenderaan sejak 2020 termasuk spesies ikonik seperti harimau Malaya.

Kerajaan digesa untuk mempercepat pembinaan laluan lintasan hidupan liar (*wildlife crossings*) di kawasan kritikal, meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan trafik di zon habitat aktif dan memperuntukkan belanjawan khas bagi pemulihan koridor ekologi yang terputus. Selain itu, pelaksanaan sistem amaran awal, penandaan kawasan berisiko tinggi serta program pendidikan awam perlu dipertingkatkan untuk melibatkan masyarakat dalam usaha bersama ini.

Langkah ini penting untuk memastikan kelangsungan biodiversiti negara, keselamatan pengguna jalan raya dan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan ekologi yang tidak ternilai."

[Menteri Kerja Raya]

10. PR-1542-U(27)414

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkasakan polisi sedia ada dan tanda aras yang jelas untuk menilai kecekapan tenaga pengajar dan penyediaan akses pendidikan seperti contoh bilik multisensori bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Baru-baru ini seramai 4,886 murid MBPK dari 841 sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2024/2025 dengan jayanya. Statistik MBPK juga menunjukkan tanda peningkatan 31% dari 88,419 sejak 2019 kepada 116,044 (2023).

Namun, timbulnya kekusaran akan keberkesanan Zero Reject Policy (ZRP) dan bagaimanakah MBPK menyesuaikan diri bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah seterusnya persediaan kebolehpasaran mereka apabila tamat persekolahan nanti.

Adalah diharap agar penyesuaian mereka di dalam sektor pendidikan bersifat terangkum dan bukanlah satu beban untuk tenaga pengajar kerana mereka ini bakal mencorak potensi tersendiri dan menyumbang nilai ekonomi untuk negara kita juga nanti."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1542-U(27)406

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang lebih holistik dan mendalam bagi mewujudkan badan pemantau pelan perancangan jangka panjang keterjaminan makanan bagi negara.

Kebelakangan ini, kita telah didengarkan dengan skop peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi meningkatkan lagi pendapatan bagi negara. Antara barangan yang terlibat dalam peluasan skop cukai SST pada Julai ini adalah termasuk juga dengan makanan yang diimport.

Dalam keadaan negara kita yang masih mempunyai kadar kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan bagi memenuhi permintaan domestik, maka peluasan skop SST ini amat merisaukan rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik dan efisien bagi membantu dalam memastikan agar negara kita mampu untuk mengurangkan kadar kebergantungan terhadap import makanan. Negara kita yang sentiasa kaya dengan pelbagai sumber alam perlu dimanfaatkan sebaiknya dan dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik."

[Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan]

12. PR-1542-U(27)408

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih strategik dan serius dalam menambah baik infrastruktur jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan.

Sejak kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan peristiwa hitam yang membabitkan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kemalangan hitam ini telah membuka mata pelbagai pihak terutama dari segi kebimbangan terhadap keselamatan jalan raya itu sendiri. Pelbagai persoalan yang timbul terutama segi penyediaan lampu limpah jalan raya yang mencukupi, keadaan permukaan jalan raya, dan penghadang jalan raya yang diibaratkan seperti 'pisau pencukur' di jalan raya.

Dalam keadaan negara kita dikejutkan dengan peristiwa yang pahit ini, penambahbaikan jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan jalan raya harus diambil tindakan dengan segera. Hal ini bagi memastikan jalan raya yang menjadi laluan utama masyarakat berada dalam keadaan selamat dan mengurangkan pelbagai risiko yang tidak diingini daripada berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih serius dan efisien dalam mengatasi isu jalan raya yang berisiko tinggi berlaku kemalangan ini agar negara kita mampu menyediakan kemudahan kelengkapan jalan raya yang selaras dengan membangunkannya pembangunan dalam negara kita."

[Menteri Kerja Raya]

13. PR-1542-U(27)415

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1542-U(27)416

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani pantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1542-U(27)417

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perencanaan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1542-U(27)418

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1542-U(27)419

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulih dan dinaiktaraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandagkan serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1542-U(27)420

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Ekonomi]

19. PR-1542-U(27)421

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar ‘*rebranding*’ daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Perdana Menteri]

20. PR-1542-U(27)422

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak ‘pro’ Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada ‘pro’ Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Komunikasi]

21. PR-1542-U(27)423

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuat kuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya '*Free Flow*' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1542-U(27)424

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

23. PR-1542-U(27)425

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri, Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

24. PR-1542-U(27)426

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

25. PR-1542-U(27)427

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

26. PR-1542-U(27)428

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 batu nautika dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (lebih 1080 batu nautika).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebahagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan *dash* yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permahan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon Kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya dimana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia sepertimana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertahanan]

27. PR-1542-U(27)429

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun telaga mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

28. PR-1542-U(27)430

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbang pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Berpendapat bahawa jalan sempadan Malaysia-Indonesia yang baik akan meningkatkan aksesibiliti antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingikatkan dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia-Indonesia juga berpotensi memperkukuhkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

29. PR-1542-U(27)431

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan meneliti semula proses pemilihan pasar raya rakan kongsi dalam program MyKasih/E-Kasih agar lebih inklusif dan menyeluruh, terutamanya dengan melibatkan lebih banyak pasar raya kecil, kedai runcit tempatan, serta koperasi di kawasan luar bandar. Keutamaan perlu diberikan kepada aspek capaian komuniti setempat, termasuk kepadatan penduduk dan jarak ke pasar raya supaya penerima bantuan tidak terbeban dengan keperluan bergerak jauh untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Langkah ini penting bagi memastikan tiada golongan rentan, terutama warga emas dan mereka yang kurang celik digital, tercicir daripada menerima manfaat bantuan Kerajaan akibat kekangan lokasi atau teknologi.

Selain itu, Kerajaan disarankan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mempermudah penggunaan sistem bantuan, seperti menyediakan modul latihan, bengkel dan bantuan teknikal khusus kepada golongan warga emas dan penerima kurang celik digital. Sokongan di lokasi pembelian melalui bantuan juruwang atau sukarelawan komuniti juga perlu dipertingkatkan, selain mempertimbangkan alternatif manual seperti bantuan tunai atau baucar fizikal bagi mereka yang benar-benar tidak mampu menggunakan sistem digital. Pemantauan dan penilaian berkala oleh badan bebas wajar dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program serta memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara."

[Menteri Kewangan]

30. PR-1542-U(27)432

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan menyemak keputusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengklasifikasikan laporan polis balu Tun Daim Zainuddin sebagai 'Tiada Tindakan Lanjut' (NFA) menimbulkan persoalan besar terhadap ketelusan dan akauntabiliti institusi keadilan negara, terutamanya apabila laporan tersebut berpaksikan dakwaan serius media antarabangsa seperti Bloomberg mengenai kemungkinan wujudnya campur tangan politik, penyalahgunaan kuasa dan konspirasi tertinggi dalam siasatan SPRM terhadap Tun Daim dan Tun Dr. Mahathir. Ketiadaan penjelasan terperinci mengenai asas keputusan NFA, langkah siasatan yang telah diambil, serta status dakwaan yang dikemukakan oleh Bloomberg menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat dan menuntut penjelasan rasmi kerajaan.

Sehubungan itu, Kerajaan digesa memberikan penjelasan menyeluruh berhubung asas undang-undang dan rasional keputusan NFA, termasuk sama ada pendedahan Bloomberg telah disiasat secara profesional atau diabaikan atas sebab tertentu. Mekanisme pemantauan bebas seperti Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) perlu diperkukuh bagi memastikan semua laporan polis berprofil tinggi disiasat secara telus, manakala jaminan bahawa tiada campur tangan politik dalam proses siasatan dan pendakwaan harus diperjelaskan demi menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang serta keyakinan rakyat terhadap integriti sistem keadilan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

31. PR-1542-U(27)433

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan penjelasan terperinci berhubung keputusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengklasifikasikan laporan polis oleh balu Tun Daim Zainuddin sebagai 'Tiada Tindakan Lanjut' (NFA), meskipun laporan tersebut berpaksikan pendedahan serius Bloomberg mengenai dakwaan campur tangan politik dan penyalahgunaan kuasa dalam siasatan SPRM terhadap beberapa tokoh negara, menimbulkan persoalan besar terhadap ketelusan dan integriti institusi keadilan negara. Ketiadaan penjelasan terperinci mengenai asas keputusan NFA serta status siasatan terhadap pendedahan media antarabangsa tersebut menimbulkan persepsi bahawa isu berprofil tinggi ini mungkin telah diabaikan atau dianggap tidak berasas tanpa justifikasi rasmi kepada masyarakat.

Sehubungan itu, Kerajaan wajar memberikan penjelasan menyeluruh mengenai rasional dan asas undang-undang di sebalik keputusan NFA tersebut, termasuk sama ada pendedahan Bloomberg telah disiasat secara profesional, dianggap fitnah, atau diabaikan atas sebab tertentu. Langkah ini penting bagi memastikan keyakinan rakyat terhadap ketelusan, akauntabiliti, dan kedaulatan undang-undang sentiasa terpelihara, serta mengelakkan sebarang persepsi negatif terhadap integriti sistem keadilan negara dalam menangani kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan kepentingan awam."

[Perdana Menteri]

32. PR-1542-U(27)434

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan meneliti dan melaksanakan pelbagai mekanisme pemantauan terhadap pemandu dan syarikat bas, termasuk pemeriksaan berkala di terminal utama, saringan ujian urin, serta audit teknikal dan pematuhan lesen. Syarikat bas juga diwajibkan mengaktifkan sistem pengesanan GPS pada setiap kenderaan sebagai langkah pemantauan berterusan, di samping penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Namun, kelemahan ketara sebelum ini adalah ketiadaan integrasi sistem rekod kesalahan pemandu, menyebabkan individu yang mempunyai rekod lampau masih boleh diambil bekerja oleh syarikat lain tanpa pemantauan efektif. Insiden kemalangan tragik melibatkan pelajar UPSI di Gerik baru-baru ini menyerlahkan keperluan penambahbaikan segera dalam aspek ini.

Sebagai respons, Kerajaan kini dalam proses membangunkan pangkalan data bersepadu melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk merekod dan menyenarai hitam pemandu bas yang bermasalah, sekali gus membolehkan syarikat menyemak latar belakang pemandu sebelum pengambilan. Selain itu, tindakan tegas seperti pembatalan lesen syarikat dan penggantungan lesen pemandu yang melanggar syarat atau gagal ujian saringan juga diperkukuh. Walau bagaimanapun, keberkesanan mekanisme ini masih bergantung kepada pelaksanaan konsisten, penggunaan data secara proaktif, serta tindakan penguatkuasaan yang tegas sebelum tragedi berlaku, agar keselamatan pengguna pengangkutan awam sentiasa terjamin. "

[Menteri Pengangkutan]

33. PR-1542-U(27)435

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan menilai semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas barangan import tertentu serta penarikan subsidi ke atas lebih 40 barangan asas telah menimbulkan persoalan besar dalam kalangan rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 yang semakin tertekan dengan kenaikan harga barangan keperluan harian. Tindakan Kerajaan mengecualikan beberapa barangan import seperti limau, kurma, epal dan oren daripada SST mulai 1 Julai 2025, sedangkan buah-buahan import lain seperti anggur, avocado, mangga dan pisang masih dikenakan cukai, menimbulkan persepsi bahawa dasar pengecualian ini bersifat selektif dan tidak menyeluruh. Pada masa sama, penarikan subsidi tanpa langkah mitigasi yang jelas meningkatkan beban kos sara hidup kerana pendapatan isi rumah tidak berkembang seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan asas.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu memberikan penjelasan terperinci mengenai asas dan kriteria pengecualian SST ke atas barangan import tertentu serta justifikasi penarikan subsidi ke atas barangan asas. Penjelasan ini harus merangkumi langkah-langkah mitigasi bagi melindungi golongan rentan daripada kesan negatif dasar fiskal tersebut. Selain itu, suara petani perlu diangkat secara bermakna dalam penetapan harga minimum padi melalui mekanisme libat urus yang inklusif, agar keputusan dasar benar-benar mencerminkan realiti kos pengeluaran dan kepentingan pesawah. Komitmen Kerajaan untuk mempertingkatkan ketelusan, keadilan dan keseimbangan dalam semua dasar berkaitan cukai, subsidi dan harga hasil pertanian adalah penting demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan hidup."

[Menteri Kewangan]

34. PR-1542-U(27)436

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjamin bahawa kepentingan pelajar Malaysia mesti sentiasa diberi keutamaan dalam dasar kemasukan ke Universiti Awam (UA) dengan menetapkan sasaran tahunan peningkatan bilangan tempat bersubsidi melalui saluran Unit Pengambilan Universiti (UPU), memastikan UA menerima dana yang mencukupi serta menggantung segera pelaksanaan dasar Saluran Terbuka sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan kekurangan dana UA, kesan dasar Saluran Terbuka terhadap prinsip meritokrasi, ketelusan dan keadilan sosial dalam sistem pendidikan tinggi negara.

Sejak dasar Saluran Terbuka diperkenalkan dan diperluas, semakin ramai pelajar tempatan cemerlang, khususnya lepasan STPM, matrikulasi dan asasi, ditolak permohonan mereka untuk memasuki kursus kritikal seperti perubatan, farmasi, pergigian dan undang-undang melalui UPU.

Sebaliknya, mereka hanya ditawarkan tempat melalui Saluran Terbuka yang mengenakan yuran jauh lebih tinggi tanpa sistem rayuan yang telus dan dalam sesetengah kes, hanya diberikan tempoh singkat untuk membuat keputusan serta merta apabila ditolak rayuan. Keadaan ini mencetuskan tekanan kewangan yang besar kepada keluarga B40 dan M40, sekaligus menafikan peluang anak-anak cemerlang untuk mendapatkan tempat di UA yang sepatutnya diwujudkan untuk mereka.

Pihak UA juga mendakwa bahawa mereka mengalami masalah kekurangan dana yang diterima daripada Kerajaan untuk menampung perbelanjaan, sehingga mempengaruhi UA untuk semakin mengutamakan Saluran Terbuka bagi menjana pendapatan. UA yang dibiayai dengan dana awam seharusnya mengutamakan kemasukan pelajar Malaysia yang layak, bukan menggantikan tempat bersubsidi dengan laluan komersial demi kelangsungan kewangan UA.

Jika Saluran Terbuka terus berkembang tanpa had dan tanpa keutamaan kepada saluran UPU, kita akan menyaksikan satu bentuk penswastaan senyap ke atas pendidikan tinggi awam yang menghakis fungsi asal UA sebagai pemangkin mobiliti sosial dan akses saksama kepada Pendidikan.

Oleh itu, Dewan ini menuntut supaya dasar Saluran Terbuka digantung serta-merta sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan untuk menyiasat sama ada pelaksanaannya telah menjejaskan prinsip merit, ketelusan pengambilan dan keutamaan kepada pelajar Malaysia.

Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Parlimen data lengkap mengenai jumlah tempat yang ditawarkan melalui UPU dan Saluran Terbuka sejak dasar ini dimulakan, termasuk pecahan mengikut kursus, kelayakan akademik dan latar belakang sosioekonomi. Hanya dengan dasar yang telus, terpisah dengan jelas dan diawasi secara berkala, keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan tinggi awam dapat dipulihkan dan dilindungi secara adil untuk generasi akan datang."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

35. PR-1542-U(27)437

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menyemak semula pelaksanaan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 Julai 2025, termasuk menilai semula kategori perkhidmatan yang tertakluk, menetapkan klasifikasi secara telus dan menghapuskan kesan cukai bertindih (*cascading tax*) yang membebankan pengguna serta mengganggu kelangsungan operasi pelbagai sektor ekonomi.

Pengenaan Cukai Perkhidmatan ke atas sektor pembinaan, penyewaan, perkhidmatan logistik dan perkhidmatan import secara serentak telah mencetuskan kekeliruan besar dalam kalangan pengusaha, pelabur dan pengguna. Ketidaktentuan dari segi takrif perkhidmatan bercukai, ambang ambilan cukai dan kaedah pematuhan telah menyebabkan pentafsiran yang berbeza-beza antara penguat kuasa, dan menjejaskan daya saing serta kos operasi, terutamanya dalam projek pembangunan jangka panjang dan transaksi rentas sempadan.

Walaupun kerajaan baru-baru ini meningkatkan ambang cukai daripada RM500,000 kepada RM1 juta bagi perkhidmatan penyewaan dan perkhidmatan kewangan serta mengecualikan beberapa kategori seperti perkhidmatan kecantikan, langkah ini bersifat ad-hoc dan hanya mengesahkan bahawa dasar asal dilaksanakan tanpa kajian mendalam terhadap kesan rantaian cukai ke atas harga perkhidmatan dan kos sara hidup. Tiada penjelasan diberikan terhadap impak sistemik ke atas perkhidmatan profesional dalam projek kediaman, kontrak pembinaan berperingkat atau penyewaan yang melibatkan pemilik bersama.

Lebih penting, sistem SST secara asasnya tidak menyediakan mekanisme pelarasan cukai input, berbeza dengan sistem GST yang membolehkan tuntutan input tax credit dan sekali gus mengelakkan cukai bertindih. Di bawah SST, pengguna akhir terpaksa menanggung kesan berlapis apabila perkhidmatan bercukai dikenakan berkali-kali sepanjang rantaian penyampaian. Keadaan ini bukan sahaja membebankan pengguna tetapi juga menggalakkan pematuhan secara minimum atau elakan cukai, kerana kerangka cukai tidak selaras dengan realiti operasi industri.

Maka, Dewan ini menuntut supaya Kerajaan segera menilai semula keberkesanan pelaksanaan Cukai Perkhidmatan yang diperluas ini, dengan penglibatan aktif industri dan dewan perniagaan. Kerajaan juga perlu membentangkan laporan impak penuh terhadap pelaksanaan dasar ini kepada Parlimen sebelum sebarang peluasan lanjut dibuat. Sekiranya objektif Kerajaan adalah untuk mewujudkan sistem percukaian yang lebih adil, telus dan mesra perniagaan, maka sudah sampai masanya untuk Kerajaan secara serius mempertimbangkan semula pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang lebih menyeluruh dan telus dari segi struktur. "

[Menteri Kewangan]

36. PR-1542-U(27)438

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperjelas garis masa, skop pelaksanaan dan status kesediaan sistem e-Invois oleh LHDN, serta memastikan semua keputusan berhubung pelaksanaan dasar ini diselaraskan secara telus, sah dari sudut undang-undang dan berasaskan data yang dikemaskini serta dikomunikasikan secara konsisten kepada pembayar cukai dan pihak industri.

Pelaksanaan e-Invois melalui sistem MyInvois telah menimbulkan pelbagai kekeliruan teknikal dan dasar, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perunding cukai. Garis panduan rasmi menyatakan bahawa pelaksanaan bergantung kepada ambang pendapatan berdasarkan penyata kewangan 2022, namun di lapangan wujud tafsiran bercanggah di antara pegawai LHDN yang mengarahkan syarikat untuk menggunakan angka tahun 2023. Terdapat aduan bahawa sekurang-kurangnya tiga tafsiran berbeza sedang digunakan serentak, menyebabkan ketidaktentuan undang-undang dan risiko penalti yang tidak wajar terhadap pembayar cukai yang patuh.

Dalam masa yang sama, pelbagai syarikat telah membuat pelaburan besar dalam penyediaan sistem, latihan dan integrasi berdasarkan garis masa asal, hanya untuk mendapati bahawa ambang pendapatan untuk pelaksanaan telah dinaikkan dari RM500,000 kepada RM5 juta tanpa sebarang bentuk pampasan atau pelan penyesuaian yang sewajarnya. Ini menyebabkan kerugian atau sunk cost kepada banyak PKS dan menimbulkan persepsi bahawa dasar ini dilaksanakan secara tergesa-gesa, tidak diuji sepenuhnya dan berubah-ubah mengikut tekanan awam.

Lebih membimbangkan, platform MyInvois yang sepatutnya memproses invois dalam masa dua saat masih belum berfungsi secara stabil, dengan ujian dalam persekitaran "sandbox" mencatatkan kelewatan antara 30 saat hingga lebih satu minit. Sehingga kini, tiada laporan rasmi audit bebas terhadap prestasi teknikal sistem ini telah diterbitkan kepada umum.

Dewan ini menuntut agar Kerajaan mengemukakan laporan penuh kepada Parlimen berhubung status kesediaan dan pelaksanaan MyInvois serta mekanisme rayuan atau pengecualian yang tersedia untuk pembayar cukai. Tambahan itu, Kerajaan wajar mempertimbangkan semula pendekatan jangka panjang terhadap reformasi cukai dan mengkaji kemungkinan kembali kepada sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang lebih menyeluruh, telus dan stabil, berbanding sistem semasa yang tidak konsisten dan membebankan dari segi pematuhan."

[Menteri Kewangan]

37. PR-1542-U(27)439

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menyemak semula struktur pelepasan cukai pendapatan individu yang sedia ada, termasuk menaikkan had pelepasan utama seperti pelepasan diri, pasangan, ibu bapa dan insurans hayat agar sejajar dengan peningkatan kos sara hidup serta memperkenalkan mekanisme semakan tetap atau indeksasi berasaskan inflasi untuk menjamin keadilan cukai kepada pembayar cukai berpendapatan sederhana dan rendah.

Pelepasan cukai pendapatan yang digunakan hari ini sebahagian besarnya telah kekal tidak berubah sejak lebih 15 tahun lalu, walaupun kos sara hidup meningkat secara ketara saban tahun. Sebagai contoh, pelepasan diri sebanyak RM9,000 diperkenalkan ketika kuasa beli masih tinggi tetapi jika mengambil kira kadar inflasi purata tahunan antara 2.5 hingga 3 peratus, jumlah tersebut sepatutnya bernilai sekurang-kurangnya RM13,000 hingga RM14,000 hari ini untuk memberi kesan yang setara. Namun, Kerajaan masih menggunakan angka asal tanpa sebarang pelarasan atau semakan berkala.

Tambahan pula had pelepasan untuk caruman KWSP dan premium insurans hayat kini dibezakan dan tidak digabungkan sebagai satu pelepasan, dan struktur ini memberi kesan tidak seimbang kepada individu yang tidak mencarum KWSP tetapi memiliki polisi insurans peribadi kerana mereka tetap terhad kepada maksimum RM3,000 sahaja tanpa ruang tambahan untuk manfaat insurans penuh.

Kegagalan mengemaskini struktur pelepasan ini menyebabkan golongan M40 dan sebahagian besar B40 bandar terpaksa membayar cukai atas pendapatan boleh belanja yang semakin sempit. Malah, apabila Kerajaan menambah hasil melalui peluasan SST, pelaksanaan e-Invois dan penyasaran subsidi, beban tambahan kini turut dipikul oleh pembayar cukai individu tetapi tanpa sebarang pelarasan pelepasan untuk mencerminkan tekanan ekonomi sebenar.

Negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia telah memperkenalkan sama ada sistem pelepasan bersasar, pelarasan mengikut indeks inflasi atau had pelepasan yang lebih selaras dengan realiti semasa. Malaysia pula kekal statik dan ini menimbulkan persoalan tentang keadilan sistem percukaian terhadap kelas pekerja dan golongan berpendapatan sederhana.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar Kerajaan melaksanakan semakan menyeluruh terhadap semua pelepasan cukai individu, memperkenalkan had baharu yang lebih mencerminkan tekanan kewangan sebenar rakyat serta menggubal mekanisme semakan tetap atau indeksasi berkala agar beban cukai tidak terus meningkat secara senyap melalui keusangan struktur pelepasan."

[Menteri Kewangan]

38. PR-1542-U(27)440

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi memperluaskan skop pemakaian undang-undang tersebut kepada agensi-agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan yang memproses data peribadi rakyat, serta menetapkan prinsip perundangan yang menjamin hak persetujuan nyata, akses, pembetulan dan pemadaman data secara telus dengan akauntabiliti.

Pindaan ini menjadi keperluan mendesak susulan arahan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kepada syarikat telekomunikasi agar menyerahkan data telefon bimbit rakyat secara besar-besaran tanpa persetujuan individu, tanpa ketelusan dan tanpa peruntukan undang-undang yang khusus. Oleh kerana Akta PDPA sedia ada tidak terpakai kepada agensi Kerajaan, tiada perlindungan berkesan terhadap penyalahgunaan data awam dan tiada saluran semakan bebas yang tersedia untuk rakyat mempertahankan hak mereka.

Malaysia ketinggalan berbanding negara serantau seperti Singapura, Korea Selatan dan negara dalam Kesatuan Eropah yang telah menetapkan standard perlindungan data yang tinggi termasuk terhadap pengumpulan data oleh Kerajaan. Jika Malaysia ingin membina keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi digital, undang-undang perlindungan data mesti dikukuhkan seiring dengan prinsip kebebasan individu dan hak privasi yang termaktub dalam masyarakat demokratik.

Sehubungan itu, pindaan kepada Akta PDPA perlu disertai dengan penubuhan badan penyelia bebas untuk menjalankan audit tahunan ke atas sistem data Kerajaan, memproses aduan, dan melaporkan secara berkala kepada Parlimen. Langkah ini penting untuk memastikan pengurusan data oleh Kerajaan dilaksanakan secara sah, terhad, telus dan dihormati sebagai amanah rakyat, bukan alat pentadbiran tanpa kawalan. "

[Menteri Komunikasi]

39. PR-1542-U(27)441

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menggantung pelaksanaan Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) sehingga satu proses semakan menyeluruh dijalankan ke atas ambang persetujuan yang ditetapkan, mekanisme perlindungan kepada pemilik minoriti serta keselarasan antara dasar pembangunan semula dengan pelan fizikal bandar yang ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pelaksanaan URA telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan pemilik hartanah strata, khususnya golongan B40 dan M40 yang menghuni pangsapuri lama dan unit kos rendah. Salah satu isu paling kontroversi ialah kadar ambang persetujuan yang ditetapkan iaitu 75% bagi bangunan melebihi 30 tahun dan 80% bagi bangunan bawah 30 tahun dan ini satu perubahan besar daripada keperluan sedia ada yang menetapkan 100% persetujuan untuk sebarang pembangunan semula. Ini menimbulkan persoalan sama ada pemilik minoriti yang tidak bersetuju boleh dilucutkan hak milik mereka walaupun secara sah masih memiliki unit masing-masing.

Lebih membimbangkan, pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata juga dikatakan bakal membolehkan pemindahan hak milik secara automatik kepada pemaju jika ambang dicapai. Dalam ketiadaan mekanisme rayuan, semakan kehakiman yang mudah diakses dan sokongan undang-undang kepada pemilik minoriti, dasar ini boleh dimanipulasi dan digunakan untuk menekan pemilik kecil yang tidak mempunyai keupayaan perundangan untuk mempertahankan hak mereka.

Isu ini turut menyentuh keselarasan dasar antara agensi Kerajaan. URA berada di bawah KPKT, manakala pembangunan fizikal bandar seperti Kuala Lumpur ditadbir oleh DBKL di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tiada penjelasan diberikan berhubung bagaimana keputusan pembangunan semula yang diluluskan melalui URA akan disepadukan dengan pelan struktur dan Rancangan Tempatan sedia ada. Ini menimbulkan risiko pertindihan atau percanggahan yang boleh menjejaskan infrastruktur awam dan menambah kesesakan tanpa pelan mitigasi yang jelas.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar pelaksanaan URA ditangguhkan serta-merta dan satu proses libat urus menyeluruh diadakan melibatkan pemilik strata, badan pengurusan bangunan, PBT dan peguam hartanah. Kerajaan juga perlu menyemak kembali semua pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata yang berkaitan dan memastikan tidak berlaku penghakisan hak pemilikan sah rakyat atas nama pembangunan semula. Apa-apa reformasi undang-undang yang memberi kesan kepada ribuan rakyat biasa mestilah bermula dengan prinsip perlindungan bukan paksaan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

40. PR-1542-U(27)442

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menguatkuasakan Kod Amalan Industri untuk Keselamatan Pengangkutan (ICOP) secara mandatori terhadap semua pengendali kenderaan perdagangan berat dan melaksanakan reformasi terhadap sistem Lesen Vokasional (VDL) termasuk memperkenalkan sistem penilaian berperingkat dan pembaharuan bersyarat mengikut rekod keselamatan dan kesihatan pemandu.

Kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat semakin kerap berlaku, termasuk insiden baru-baru ini yang meragut nyawa pelajar UPSI dan anggota pasukan FRU. Laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendedahkan bahawa tahap pematuhan ICOP oleh pengendali lori hanyalah sekitar 32%, yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pemain industri tidak mematuhi garis panduan keselamatan minimum yang telah ditetapkan. Penguatkuasaan terhadap ICOP ketika ini tidak bersifat menyeluruh dan bergantung kepada pemantauan sukarela atau laporan aduan.

Sistem Lesen Vokasional (VDL) juga menunjukkan kelemahan ketara apabila proses pembaharuan lesen dilakukan secara automatik tanpa semakan menyeluruh terhadap kesihatan, rekod kesalahan trafik dan kelayakan semasa pemandu. Dalam banyak kes, pemandu kenderaan berat yang mempunyai sejarah kemalangan atau kegagalan teknikal masih dibenarkan membawa kenderaan bersaiz besar dan berisiko tinggi di jalan raya utama negara. Ketiadaan sistem mata demerit khusus untuk pemandu vokasional mengurangkan aspek pencegahan terhadap kecuaian berulang.

Sehubungan itu, ICOP perlu diangkat sebagai piawaian wajib dalam pelesenan dan pengauditan pengendali kenderaan perdagangan berat dengan penguatkuasaan yang ketat dan berkala oleh agensi berkaitan termasuk JPJ dan PUSPAKOM. Lesen VDL pula perlu diperbaharui secara bersyarat mengikut sistem penilaian yang mengambil kira kesihatan fizikal dan mental pemandu, rekod disiplin serta kehadiran latihan semula secara berkala. Langkah ini adalah kritikal untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan mengelakkan tragedi yang berulang."

[Menteri Pengangkutan]

41. PR-1542-U(27)444

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurangnya lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat Kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada *Federal Task Force* di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehinggakan penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad banci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian. Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi selepas beranak pinak di Sabah, sehingga Kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

[Perdana Menteri]

42. PR-1542-U(27)445

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga Kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

[Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air]

43. PR-1542-U(27)446

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih lagi luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkat keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

[Menteri Kerja Raya]

44. PR-1542-U(27)447

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan Elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Negeri Sabah pada 03 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa jarak geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudah segala urusan dan menjimatkan kos."

[Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 14	Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	6 Ogos 2025
ST. 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2023	6 Ogos 2025
ST. 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2023	6 Ogos 2025
ST. 110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2023	6 Ogos 2025
ST. 111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2023	6 Ogos 2025

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib (Tenggara)	1. Isu Pembangunan Kawasan Perindustrian Bandar Tenggara. 2. Isu Pencemaran Kritikal di Tapak Pelupusan Sampah Batu 4, Parlimen Tenggara.	1. YB Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri 2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)	1. Pembangunan Di Kawasan Pesisir Pantai Kuantan. 2. Jalan Berlekuk Dan Tidak Rata Di Kuantan.	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan 2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**